



Rujukan Kami : JKT.T.800-1/3 Jld.4 (1)  
Tarikh : 26 Oktober 2023

## **SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN**

YBM. Tengku Sri Bijaya/ Tan Sri Dato'/ Dato' Sri/ Dato'Seri/ Dato' Kaya Setia/ Datuk Wira/ Dato'/ Tuan/ Puan,

### **PENGEMUKAAN PELAN-PELAN OLEH PELUKIS PELAN BERDAFTAR SELARAS AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974 (AKTA 133) DAN AKTA ARKITEK 1967 (AKTA 117)**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBM. Tengku Sri Bijaya/ Tan Sri Dato'/ Dato' Sri/ Dato'Seri/ Dato' Kaya Setia/ Datuk Wira/ Dato'/ Tuan/ Puan, Pelukis Pelan Bangunan adalah merupakan antara Orang Utama Yang Mengemukakan (*Principal Submitting Person*, PSP) selaras seksyen 70, Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 [Akta 133]. Kelayakan pengemukaan pelan beserta sekatan pula ditetapkan oleh Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) selaras seksyen 24 dan subseksyen 24(5) Akta Arkitek 1967 [Akta 117].
3. Seperti YBM. Tengku Sri Bijaya/ Tan Sri Dato'/ Dato' Sri/ Dato'Seri/ Dato' Kaya Setia/ Datuk Wira/ Dato'/ Tuan/ Puan, sedia maklum Jabatan Kerajaan Tempatan, telah mengemukakan surat rujukan JKT.T.800-1/3 Jld.2 (8) bertarikh 24 April 2015 dan JKT.T.800-1/3 Jld.3 (6) bertarikh 3 November 2022 kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memohon agar penyelarasan dibuat bagi memastikan prosedur penerimaan pelan-pelan daripada Pelukis Pelan Bangunan selaras dengan perundangan. Adalah difahamkan masih terdapat kekeliruan di beberapa PBT mengenai pengemukaan pelan bagi kerja-kerja ubahsuai sebagaimana dilaporkan oleh Persatuan Pelukis-Pelukis Pelan Bangunan Berdaftar Malaysia (RBDAM).

4. Sehubungan itu, LAM telah menjelaskan dengan lebih terperinci bahawa setelah mematuhi kehendak-kehendak Akta Arkitek 1967, individu yang didaftarkan sebagai seorang Pelukis Pelan Bangunan adalah tertakluk kepada peruntukan Akta untuk mengemukakan pelan bagi kawasan di bawah had PBT yang tersenarai dalam Sijil Perakuan Pendaftaran dan selanjutnya tertakluk kepada sekatan-sekatan berikut:-

- (1) dia boleh mengemukakan pelan hanya kepada dan setakat had Pihak Berkuasa Tempatan yang dinyatakan dan Agensi Teknikal Luaran berkaitan.
- (2) dia hendaklah berhak hanya mengemukakan pelan pembinaan baru tidak melebihi 2 tingkat dan kerja-kerja pembinaan melibatkan jumlah keluasan lantai sama atau kurang dari 300 meter persegi dan 60 meter persegi ruang terbuka.
- (3) i. dia hendaklah berhak hanya mengemukakan pelan-pelan ubahsuai dan tambahan lantai ke atas bangunan berbilang tingkat sedia ada dari mana-mana ketinggian bangunan dengan tidak menghadkan pada aras tingkat dimana permohonan dikemukakan.  
  
ii. tiada menghadkan keluasan bangunan asal tetapi dengan syarat jumlah mana-mana aras tingkat terlibat tidak melebihi bilangan dua tingkat (contohnya ubahsuai/renovasi di tingkat 5 dan 10) dan luas tambahan lantai baru tidak melebihi 300 meter persegi.
- (4) "Keluasan lantai 300 meter persegi" hendaklah bermaksud jumlah bagi semua ruang yang tertutup dan berdinging. Ini tidaklah termasuk ruang-ruang terbuka tetapi berbumbung seperti teres, tempat letak kereta, balkoni dan berandah dengan syarat bahawa jumlah bagi ruang berbumbung yang tidak berdinging tersebut tidak melebihi keluasan 60 meter persegi.  
  
Ruang-ruang terbuka seperti telaga udara (airwells), laman dalam terbuka (courtyards) dan juga permohonan berkaitan dengan perubahan guna bagi bangunan sedia ada tidak diambil kira sebagai keluasan.

- (5) "Pelan pembinaan baru tidak melebihi 2 tingkat" hendaklah bermaksud 2 tingkat daripada paras tanah (sama ada di atas tanah rata atau curam)

tetapi boleh mengandungi satu daripada berikut sahaja :

- a) Satu tingkat bawah tanah ('a basement')
- b) Separuh tingkat bawah tanah ('a semi basement')
- c) Satu lantai 'mezanine'

- (6) Individu yang layak mengemukakan pelan pembinaan melebihi jumlah keluasan 300 meter persegi akan dinyatakan had keluasan dalam Sijil Pendaftaran masing-masing secara berasingan oleh pihak LAM.


5. Segala perhatian dan tindakan lanjut oleh YBM. Tengku Sri Bijaya/ Tan Sri Dato'/ Dato' Sri/ Dato'Seri/ Dato' Kaya Setia/ Datuk Wira/ Dato'/ Tuan/ Puan, berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian,

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' MOHD FADZLI BIN MOHD KENALI)**

s.k : i) YBrs. TKP(T)/ JKT  
ii) P(KM)/ JKT

### **SENARAI EDARAN**

1. Ketua Pengarah  
Jabatan Wilayah Persekutuan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Blok 1 & Blok 2, Menara Seri Wilayah  
Persint 2, 62100, Putrajaya.  
Tel : 03 – 8000 8000  
Faks : 03 – 8889 7975
2. YB Mulia Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu  
Tingkat 15, Wisma Darul Iman  
20503 Kuala Terengganu, Terengganu  
Tel : 09 - 600 6000  
Faks : 09 – 624 2244
3. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Johor  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor  
Aras 3, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad  
Kota Iskandar  
79000 Iskandar Puteri, Johor  
Tel : 07 - 266 6116  
Faks : 07 – 290 8111
4. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang  
Tingkat 2, Blok A, Wisma Sri Pahang  
25200 Kuantan, Pahang  
Tel : 09 - 512 6601  
Faks : 09 – 5156 106



5. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah  
Aras 4, Blok B, Wisma Darul Aman  
05503 Alor Setar, Kedah  
Tel : 04 - 702 7215  
Faks : 04 – 702 7100
6. YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan  
Aras 4, Mabna MBI (Blok 8)  
Kompleks Kota Darul Naim  
15503 Kota Bharu, Kelantan  
Tel : 09 - 748 1957  
Faks : 09 – 7477 105
7. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka  
Aras 3, Blok Bendahara, Seri Negeri, Hang Tuah Jaya  
754500 Ayer Keroh, Melaka  
Tel : 06 - 333 3333 samb. 7220  
Faks : 06 – 232 8350
8. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak  
Aras 1, Bangunan Perak Darul Ridzuan  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab  
30000 Ipoh, Perak  
Tel : 05 - 209 5000 samb. 5220  
Faks : 05 – 254 5323
9. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Tingkat 25, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)  
10503 Pulau Pinang  
Tel : 04-650 5150  
Faks : 04-264 5722
10. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor  
Tingkat 19, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS)  
40503 Shah Alam, Selangor  
Tel : 03 - 5544 7042  
Faks : 03 – 5510 3062

11. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri

Jalan Dato' Abdul Malek

70503 Seremban, Negeri Sembilan

Tel : 06 - 765 9911

Faks : 06 - 767 3728

12. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

Aras 2, Kompleks Dewan Undangan Negeri Perlis

01000 Kangar, Perlis

Tel : 04 - 973 8987

Faks : 04 - 976 3555

13. Presiden

Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)

Tingkat 17, Blok F, Ibu Pejabat JKR

Jalan Sultan Salahuddin

50582 Kuala Lumpur

Tel : 03 - 2693 2878

Faks : 03 - 2693 6881

